

# PEMISAHAN SINGAPURA

- Salah satu cabaran utama selepas pembentukan Malaysia ialah pemisahan Singapura.
- Masalah hubungan antara pemimpin Persekutuan dengan Singapura telah menyebabkan pemisahan dilaksanakan.
- Masalah berpunca daripada faktor politik, ekonomi dan sosial yang telah wujud sebelum Singapura menyertai Malaysia.

## FAKTOR PEMISAHAN

### Faktor politik

- (a) Pemimpin Singapura Lee Kuan Yew tidak berpuas hati dengan peranan kerajaan Singapura yang terhad dalam Persekutuan Malaysia.
- (b) Konflik telah berlaku antara pemimpin PAP dengan Perikatan.
- (c) Kempen **Malaysian Malaysia** oleh Lee Kuan Yew yang menuntut hak sama rata untuk semua kaum menimbulkan keresahan dalam kalangan penduduk.



Lee Kuan Yew

### Faktor ekonomi

- (a) Singapura menuntut pembukaan **pasaran bersama** (common market) disegerakan.
- (b) Singapura tidak berpuas hati dengan cadangan **tambahan cukai** yang perlu diberikan kepada kerajaan Persekutuan.
- (c) Singapura mahu mengenakan **kadar faedah** terhadap sebahagian daripada pinjaman sebanyak RM150 juta kepada Kerajaan Persekutuan untuk pembangunan Sarawak dan Sabah.


### Masalah perkauman

- (a) **Rusuhan kaum** yang telah berlaku di Singapura pada 21 Julai 1964 menimbulkan ketegangan antara kaum.
- (b) Rusuhan berlaku ekoran daripada usaha menuntut **persamaan hak** yang sama rata bagi semua kaum.
- (c) Tuntutan tersebut menjadi isu antara kaum.

# KRONOLOGI PEMISAHAN

**29 Jun 1965**

Rundingan antara Tun Abdul Razak Hussein dengan Lee Kuan Yew gagal.




**1 Julai 1965**

Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj mengarahkan Tun Abdul Razak Hussein bermesyuarat dengan beberapa orang Menteri. Antaranya ialah Dr. Ismail Abdul Rahman, Tan Siew Sin dan V.T. Sambanthan untuk membincangkan tentang pemisahan.



**Awal Ogos 1965**

Mesyuarat Khas Kabinet Malaysia bersetuju dengan rancangan pemisahan.



**7 Ogos 1965**

Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj dan Lee Kuan Yew menandatangani persetujuan untuk Singapura keluar daripada Malaysia.



**9 Ogos 1965**

Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj membawa usul pemisahan Singapura ke dalam Parlimen Malaysia. Parlimen meluluskan rang undang-undang pemisahan Singapura.